



19 AUG, 2026

Dari pagi hingga petang gempur PATI

Harian Metro, Malaysia



Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Ampang Jaya

Seramai 217 warga asing diperiksa dalam operasi bersepadu di Pandan Indah, di sini, kelmarin selepas pihak berkuasa mengesan sebahagian daripada mereka disyaki tidak memiliki dokumen perjalanan atau permit yang sah.

Operasi bersepadu diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu dilaksanakan bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Khairul Anuar Khalid berkata, operasi yang bermula pada jam 9 pagi hingga 4 petang itu membabitkan kawasan Taman Pandan Komersial dan Taman Pandan Merah.

Menurutnya, hasil pemeriksaan, sebahagian warga asing yang diperiksa disyaki tidak memiliki dokumen perjalanan atau permit yang sah.

"Pemeriksaan turut mengesan kesalahan berkaitan premis perniagaan dan bekalan elektrik.

"Individu yang melakukan kesalahan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, operasi berkenaan berjalan lancar dan terkawal tanpa seba-



OPERASI bersepadu membabitkan pemeriksaan terhadap warga asing di Pandan Indah, semalam.

Dari pagi hingga petang gempur PATI

217 warga asing diperiksa dalam operasi bersepadu di Pandan Indah



Pemeriksaan turut mengesan kesalahan berkaitan premis perniagaan dan bekalan elektrik. Individu yang melakukan kesalahan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut. Operasi dan pemantauan akan diteruskan dari semasa ke semasa. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang"

Khairul Anuar

rang kejadian tidak diinginkan.

Katanya, tindakan yang boleh diambil mengikut Akta Imigresen 1959/63 termasuk Seksyen 55B kerana menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI), Seksyen 55E kerana membenarkan PATI tinggal di premis dan Seksyen 56(1)(d) kerana melindungi PATI.

Dalam pada itu, Khairul berkata, pihaknya mengingatkan orang ramai supaya tidak menggaji, melindungi atau membenarkan PATI tinggal di rumah atau premis di bawah kawalan mereka.

"Operasi dan pemantauan akan diteruskan dari semasa ke semasa.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial mengenai operasi penguatkuasaan terhadap warga asing di kawasan berkenaan.